

Kikis pandangan negatif terhadap penerima khidmat kaunseling

Oleh Yap Siong Han

UB 27.10.2019 4

KOTA KINABALU: Pandangan negatif dalam kalangan segerintir pihak terhadap individu yang mendapatkan khidmat kaunseling perlu dikikis.

Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Agnis Sombuling berkata, mereka sepatutnya memberikan sokongan moral agar rakan-rakan atau saudara-mara yang mendapatkan bimbingan daripada kaunselor dapat menangani sebarang konflik atau masalah yang dihadapi.

"Tidak dinafikan, walau-pun kini sudah berada pada tahun 2019, masih wujud stigma ini yang mana mereka yang berjumpa dengan katunselor dikaikitan dengan masalah berkaitan kewarasan.

"Sebenarnya terdapat pelbagai faktor yang membawa seseorang itu datang berjumpa dengan kaunselor, dan tindakan mereka tersebut adalah wajar dalam memastikan sebarang kesulitan atau masalah dalaman dapat dihadapi dengan baik," katanya ketika merasmikan Penutupan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019 peringkat FPP UMS, di fakulti itu, kelmarin.



TERIMA KASIH: Agnis (dua kiri) menerima cenderahati daripada Norzihan (dua kanan) disaksikan Sobri (kiri) dan Putri Anis.

Hadir sama Ketua Program Psikologi Kaunseling FPP, Dr. Norzihan Ayub; Pengurus Program Bulan Kaunseling Kebangsaan FPP, Sobri Ismail; Pengarah Program Bulan Kaunseling Kebangsaan, Putri Anis Aqilah Ahmad; para pensyarah dan pelajar-pelajar program psikologi.

Menyentuh mengenai program itu, Agnis berkata, ia banyak mendatangkan manfaat kepada semua pihak khususnya kepada pelajar FPP.

Katanya, Bulan Kaunseling Kebangsaan ini diraikan seiring dengan objektif-objektifnya termasuklah mempertingkatkan persepsi positif masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling, meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kaun-

seling dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat.

"Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengajur, pensyarah FPP dan juga kepada barisan ahli jawatankuasa pelaksana Program Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019 atas sumbangan idea, tenaga dan komitmen dalam memastikan program sepanjang bulan kaunseling pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Bertemakan 'Membawa Perkhidmatan Kaunseling kepada Komuniti', sambutan berkenaan turut diisi dengan pelbagai pengisian seperti ceramah, pameran, lawatan, ujian psikometrik, tayangan filem berkaitan psikologi, Therapeutic Run, dan gotong-royong.



KENANGAN: Agnis (tengah) mengambil gambar kenangan bersama kakitangan, tetamu jemputan dan seluruh pelajar yang hadir pada majlis berkenaan.